

---

## SIARAN BERITA

### **MyCC MENERIMA AKU JANJI DARI PMLOA**

**KUALA LUMPUR, 21 Mei 2014** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) baru-baru ini telah menerima tawaran aku janji dari Ahli Jawatankuasa Pusat Persatuan Ampunya Lori Pan-Malaysia (PMLOA) berkaitan dengan amalan penetapan harga bagi caj pengangkutan.

MyCC mendapati Ahli Jawatankuasa Pusat PMLOA telah melanggar seksyen 4(2)(a) Akta Persaingan 2010 ('Akta') dengan melibatkan diri dalam perjanjian penetapan harga, iaitu dengan mengenakan kenaikan caj pengangkutan sehingga 15% yang mana mempunyai objek atau kesan secara signifikan bagi menghalang, menyekat atau menganggu persaingan dalam mana-mana pasaran perkhidmatan pengangkutan lori. Penetapan harga ialah apabila perusahaan dari saiz yang berlainan berpakat untuk menaikkan harga bagi semua serta memaksimumkan keuntungan tanpa sebarang persaingan.

"Kos pengangkutan mempunyai kesan yang kuat secara langsung mahupun tidak langsung pada ekonomi pada keseluruhannya maka perjanjian-perjanjian penetapan harga seperti ini akan memberi kesan negatif kepada pengguna" kata Shila Dorai Raj, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC. "Perjanjian untuk menetapkan harga akan menyebabkan tiada ruang bagi perusahaan persendirian untuk menilai kesan kos yang melangkaui serta kenaikan harga yang sepatutnya dan sama ada kenaikan harga tersebut perlu ditanggung oleh mereka mahupun pengguna."

Penerimaan aku janji tersebut berikutkan suatu tempoh rundingan antara Ahli Jawatankuasa Pusat PMLOA dengan MyCC.

---

Sejajar dengan Seksyen 43(1) Akta Persaingan 2010 ('Akta'), telah menyatakan bahawa "Suruhanjaya boleh, tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya, menerima daripada suatu perusahaan suatu aku janji untuk membuat atau menahan diri daripada membuat apa-apa jua yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya", MyCC telah menerima aku janji yang ditandatangani oleh Ahli Jawatankuasa PMLOA pada 7 Mei 2014 daripada dikenakan sebarang penalti oleh pihak MyCC.

Aku Janji tersebut menetapkan bahawa Ahli Jawatankuasa Pusat PMLOA bertanggungjawab untuk mengeluarkan dan menerbitkan satu kenyataan bersama bagi memohon maaf dalam akhbar-akhbar utama bagi pelakuan anti persaingan mereka, mengedarkan satu salinan aku janji dan diberikan kepada Suruhanjaya bagi setiap anggota PMLOA serta memastikan anggota-anggota jawatankuasa PMLOA tidak melibatkan diri dalam mana-mana pelakuan anti persaingan pada masa akan datang. Kenyataan bersama itu telah diterbit pada 19 Mei 2014 di dalam akhbar-akhbar utama.

#### *Latarbelakang*

Satu kenyataan di akhbar tempatan pada 11 September 2013 yang diterbitkan oleh PMLOA telah menyatakan bahawa PMLOA dan ahli-ahlinya telah bersetuju dalam keputusan mereka semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pusat ke-tiga bagi menaikkan caj pengangkutan sebanyak 15 peratus. MyCC kemudiannya memberi Langkah Interim pada 20 September 2013 dan arahan selanjutnya pada 23 Oktober 2013 kepada PMLOA, ahli-ahlinya dan perusahaan-perusahaan lori yang berkaitan. Intipati langkah dan arahan adalah untuk menghentikan perlakuan ini sejajar dengan keputusan yang telah dimuktamadkan oleh PMLOA semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pusat ke-tiganya, untuk mengubah mana-mana peruntukan berkenaan sebarang perbincangan dan penentuan apa-apa harga oleh PMLOA serta ahli-ahlinya.

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [rowena@mycc.gov.my](mailto:rowena@mycc.gov.my)

Anis Syafiqa, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

**NOTA PENGARANG:**

- i. Butiran mengenai Sekysen 4(2)(a) Akta Persaingan 2010, Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang adalah seperti berikut:

4. (1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk—

(a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;

(b) berkongsi pasaran atau punca bekalan;

(c) membataskan atau mengawal—

(i) pengeluaran;

(ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;

(iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau

(iv) pelaburan; atau

(d) melakukan tipuan bida, adalah disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

\*“Perjanjian mendatar” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang sama dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran;  
“Perjanjian menegak” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang berlainan dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran.

---

ii. Penerangan lanjut mengenai Seksyen 35 Akta Persaingan 2010: Langkah interim

35. (2) Jika Suruhanjaya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana larangan di bawah Akta ini telah dilanggar atau mungkin dilanggar dan Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah perlu baginya untuk bertindak di bawah seksyen ini oleh sebab perkara keterdesakan bagi maksud—

- (a) menghalang kerugian serius dan tidak boleh dibaiki dari segi ekonomi atau selainnya, kepada seseorang atau suatu kategori orang tertentu; atau
- (b) melindungi kepentingan awam, ia boleh memberikan suatu arahan yang difikirkannya sesuai dan bersekadar bagi maksud itu.

(3) Suatu arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2) boleh termasuk menghendaki atau menyebabkan mana-mana orang—

- (a) untuk menggantung kuat kuasa, dan menghentikan daripada bertindak mengikut, mana-mana perjanjian yang disyaki melanggar mana-mana larangan di bawah Bahagian II;
- (b) untuk menghentikan daripada apa-apa perlakuan yang disyaki melanggar mana-mana larangan di bawah Bahagian II; atau
- (c) untuk membuat, atau menahan diri daripada membuat, apa-apa perbuatan, tetapi yang tidak menghendaki pembayaran wang.

(4) Suruhanjaya hendaklah, sebelum memberikan suatu arahan di bawah subseksyen (2)—

- (a) menyampaikan suatu notis bertulis kepada orang yang kepadanya ia bercadang untuk memberikan arahan itu; dan32 Undang-Undang Malaysia AKTA 712
- (b) memberi orang itu suatu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh sekurang-kurangnya tujuh hari dari tarikh notis bertulis itu.

(5) Suatu notis di bawah subseksyen (4) hendaklah menunjukkan jenis arahan yang dicadangkan untuk diberikan oleh Suruhanjaya dan sebab-sebab bagi pemberian arahan itu.

(6) Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa menarik balik suatu arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2).

(7) Tanpa menjelaskan subseksyen (6), mana-mana arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2) hendaklah terhenti berkuat kuasa—

- (a) pada tarikh keputusan oleh Suruhanjaya selepas selesai siasatan di bawah seksyen 14; atau
- (b) dua belas bulan dari tarikh arahan itu diberikan,mengikut mana-mana yang lebih awal.

### **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).